

Sila buat salinan muka surat ini sekiranya Penerima Hibah yang dinamakan melebihi seorang.

AKAD / LAFAZ PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HARTA HIBAH BAGI PENERIMA HIBAH DEWASA / PENJAGA SAH DAN PELANTIKAN PEMEGANG AMANAH GANTIAN

1.0 LAFAZ PEMBERIAN HARTA HIBAH KEPADA PENERIMA HIBAH DAN PELANTIKAN PEMEGANG AMANAH GANTIAN

- Saya seperti nama di bawah dengan suci hati tanpa paksaan mana-mana pihak, bersetuju menghibahkan Harta Hibah sepertimana yang dinyatakan di dalam jadual Harta Hibah di bawah termasuk segala faedah yang terhasil daripada Harta Hibah tersebut (jika ada) kepada Penerima Hibah.
- Mulai tarikh ini Penerima Hibah adalah pemilik Harta Hibah yang dinyatakan tertakluk kepada terma dan syarat di dalam Surat Ikatan Hibah Amanah.
- Pengisytiharan Hibah Amanah ini adalah pengisytiharan terakhir dan terkini, mana-mana pengisytiharan yang dibuat terdahulu (termasuk hibah/wasiat/instrumen perwarisan lain) daripada Hibah Amanah ini adalah terbatal dan tidak diterima oleh pihak ASNB. Dengan ini Harta Hibah yang diisytiharkan di sini BUKANLAH harta pusaka selepas kematian saya.
- Sekiranya Penerima Hibah meninggal dunia terlebih dahulu daripada saya, maka Harta Hibah akan dikembalikan kepada saya. Bagaimanapun, sekiranya saya dan Penerima Hibah meninggal dunia serentak, Harta Hibah akan dibayar mengikut tatacara semasa tuntutan harta pusaka ASNB.
- Sekiranya Penerima Hibah meninggal dunia sebelum Harta Hibah diagihkan kepadanya, seorang wasi/pentadbir yang dilantik di bawah kuat kuasa undang-undang atau mengikut prosedur semasa yang ditetapkan oleh ASNB hendaklah hadir ke ASNB untuk membolehkan ASNB menyerahkan Harta Hibah tersebut untuk ditadbirkan dan diagihkan kepada waris-waris yang berhak.
- Saya melantik ASNB sebagai Pemegang Amanah Gantian untuk mentadbir Harta Hibah selepas kematian saya.
- Saya bersetuju untuk mengganti rugi ASNB terhadap apa-apa hal, tindakan, tuntutan, kerugian atau perkara yang berbangkit berhubung dengan pembentukan Hibah Amanah ini. Dengan pembayaran kepada Penerima Hibah / Penjaga Sah di bawah, ASNB adalah terlepas daripada sebarang liabiliti / tanggungjawab perundangan ke atas Hibah Amanah ini.
- Saya mengaku bahawa saya telah melengkapkan maklumat Penerima Hibah / Penjaga Sah, tabung unit amanah dan peratusan pembahagian semasa Akad ini ditandatangani oleh Penerima Hibah / Penjaga Sah dan Saksi-saksi.
- Sekiranya terdapat perbezaan maklumat di antara borang permohonan dan Surat Ikatan Hibah Amanah / Surat Ikatan Hibah Amanah Tambahan (jika ada) yang ditandatangani oleh saya, maklumat yang dikemaskini di sistem ASNB adalah muktamad.
- Saya faham bahawa pindaan ke atas maklumat pemberian Harta Hibah serta pembatalan Hibah Amanah ini boleh dilaksanakan pada bila-bila masa dan tertakluk kepada prosedur semasa ASNB.

Nama : _____

No. K/P : _____

Tarikh : _____

Tandatangan dan / atau cap ibu jari kiri Pemberi Hibah

JADUAL HARTA HIBAH (Nyatakan peratusan pembahagian kepada Penerima Hibah)

Tabung Unit Amanah	ASB	ASB 2	ASB 3 Didik	ASM	ASM 2 Wawasan	ASM 3	ASN	ASN Equity 2	ASN Equity 3	ASN Imbang 1	ASN Imbang 2	ASN Sara 1		
Peratusan														

1.1 LAFAZ PENERIMAAN HARTA HIBAH (Sila lengkapkan maklumat yang diperlukan dan tandakan [/] pada ruangan yang berkenaan)

PENERIMA HIBAH DEWASA
Saya, seperti nama di bawah bersetuju menerima peratusan bahagian Harta Hibah sepertimana yang dinyatakan di dalam Jadual Harta Hibah di atas termasuk segala faedah yang terhasil daripada Harta Hibah (jika ada).

PENJAGA SAH
Saya, seperti nama di bawah dilantik sebagai Penjaga Sah kepada _____ No. Pengenalan Diri Penerima Hibah _____, dengan ini mengaku akan berlaku adil dan bertanggungjawab di atas segala transaksi yang terlibat untuk kepentingan dan kebajikan Penerima Hibah di bawah umur 18 tahun atau kurang upaya mental.

- Saya melantik Pemberi Hibah sebagai Pemegang Amanah kepada Harta Hibah dan membenarkan Pemberi Hibah menggunakan Harta Hibah untuk faedah dirinya, membuat semua urusan niaga dan mendapat semua manfaat yang berkaitan dengan Harta Hibah selama mana Pemberi Hibah masih hidup.
- Saya faham dan bersetuju bahawa selepas tuntutan dibuat apabila kematian Pemberi Hibah, jumlah yang akan dibayar kepada Penerima Hibah adalah baki unit semasa tabung unit amanah termasuk sebarang penambahan daripada pengagihan pendapatan (jika ada) dan tertakluk kepada yuran semasa yang dikenakan oleh ASNB.
- Sekiranya saya meninggal dunia terlebih dahulu daripada Pemberi Hibah, Harta Hibah akan dikembalikan kepada Pemberi Hibah. Bagaimanapun, sekiranya saya dan Pemberi Hibah meninggal dunia serentak, Harta Hibah akan dibayar mengikut tatacara semasa tuntutan harta pusaka ASNB.
- Sekiranya saya meninggal dunia sebelum Harta Hibah diagihkan kepada saya, seorang wasi/pentadbir yang dilantik di bawah kuat kuasa undang-undang atau mengikut prosedur semasa yang ditetapkan oleh ASNB hendaklah hadir ke ASNB untuk membolehkan ASNB menyerahkan Harta Hibah tersebut untuk ditadbirkan dan diagihkan kepada waris-waris yang berhak.
- Saya melantik ASNB sebagai Pemegang Amanah Gantian untuk mentadbir Harta Hibah selepas kematian saya dan / atau Pemberi Hibah tertakluk kepada tatacara semasa ASNB.
- Saya memahami dan bersetuju bahawa ASNB berhak untuk membekukan dan menguruskan Harta Hibah jika terdapat sebarang peruntukan undang-undang yang memerlukannya berbuat demikian sehingga perkara tersebut diselesaikan dengan pihak yang terbabit.
- Saya dengan ini bersetuju untuk mengganti rugi ASNB terhadap apa-apa hal, tindakan, tuntutan, kerugian atau perkara yang berbangkit berhubung dengan pembentukan Hibah Amanah ini. ASNB adalah terlepas daripada sebarang liabiliti / tanggungjawab perundangan ke atas Hibah Amanah ini setelah pembayaran dibuat kepada saya.
- Saya mengaku bahawa maklumat saya, tabung unit amanah dan peratusan pembahagian adalah lengkap semasa dokumen Akad ini saya tandatangi.
- Saya faham bahawa pindaan ke atas maklumat pemberian Harta Hibah serta pembatalan Hibah Amanah ini boleh dilaksanakan pada bila-bila masa oleh Pemberi Hibah tertakluk kepada prosedur semasa.
- Saya juga bersetuju membenarkan ASNB dan kakitangan yang terlibat mempunyai akses untuk melihat dan menggunakan maklumat peribadi saya yang disertakan bersama ini bagi tujuan Hibah Amanah ini.

Nama : _____

No. K/P : _____

Tarikh : _____

Tandatangan dan / atau cap ibu jari kiri Penerima Hibah / Penjaga Sah

Disaksikan bahawa Pengakuan Hibah Amanah ini telah dilaksanakan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut namanya di atas.

Tandatangan dan / atau cap ibu jari kiri Saksi 1

Nama : _____

No. K/P : _____

Tarikh : _____

Tandatangan dan / atau cap ibu jari kiri Saksi 2

Nama : _____

No. K/P : _____

Tarikh : _____